

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT ]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status kejayaan perlaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Transformasi Kerajaan (GTP) menyasarkan untuk mentransformasikan Kerajaan Malaysia sejajar dengan keperluan sebuah negara berpendapatan tinggi, dalam bentuk sebuah program pembaharuan yang mendahuluikan rakyat dengan memenuhi keperluan mereka. Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula menginstitusikan perubahan sosio-ekonomi dengan memfokuskan pembangunan 12 buah industri di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan melonjakkan daya saing global Malaysia menerusi pelaksanaan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Pada 28 April 2015, YAB Perdana Menteri telah merasmikan Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2014 di Angkasapuri bagi GTP dan ETP yang memberi perincian pencapaian setiap sektor NKRA, NKEA dan SRI serta memperkenalkan langkah seterusnya dalam melaksanakan program transformasi untuk menyampaikan hasil yang signifikan.

**Program Transformasi Kerajaan**

GTP telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan awam, dengan pemfokusan beberapa bidang penyampaian seperti penjagaan kesihatan. Di samping itu, kita juga telah mencapai kemajuan dalam taraf pendidikan, keselamatan awam, pengangkutan awam dan pembangunan luar

bandar. Malahan kita telah menyaksikan kejayaan yang amat besar dalam usaha menghapuskan kemiskinan.

Dalam satu kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Pembangunan Asia (ADB) pada tahun 2013, Malaysia mencatat penurunan 55.3 peratus bagi penduduk yang berada di bawah paras kemiskinan. Ia merupakan penurunan terbesar dalam kalangan negara ASEAN yang lain seperti Indonesia (6 peratus), Vietnam (6 peratus) dan Filipina (2.5 peratus). ADB mendapati pencapaian ini terhasil melalui bantuan wang tunai, program 1AZAM dibawah NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang menawarkan kemudahan mikrokredit untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah, penjagaan kesihatan, pendidikan, perumahan dan banyak lagi.

Dengan demikian, berdasarkan pengesahan pencapaian oleh para pakar termasuk pihak berkecuali, pada tahun 2014 GTP berjaya mencapai kejayaan 105 peratus daripada sasaran keseluruhan. Antara pencapaian penting GTP adalah:

1. Seramai 5.1 juta rakyat Malaysia di kawasan luar bandar mendapat manfaat daripada inisiatif Pembangunan Luar Bandar sejak tahun 2010. Ini termasuklah pembinaan jalan luar bandar sepanjang 4,554.03 kilometer siap dibina dan menyampaikan bekalan air bersih dan terawat kepada 334,817 isi rumah luar bandar selain menghubungkan 129,595 isi rumah luar bandar kepada bekalan elektrik yang stabil.
2. Laluan BRT (Bus Rapid Transit) Terpanjang di Lembah Klang telah diluluskan, yang menghubungkan dari Kuala Lumpur ke Klang. Fasa pertama telah diluluskan. Pembinaan bermula pada akhir suku ke-4 tahun 2015. Selain itu, meningkatkan bilangan pengguna pengangkutan awam di Kuala Lumpur kepada rekod tertinggi iaitu

sebanyak 455,728 orang pada waktu puncak pagi dan melaksanakan infrastruktur sebagai asas kepada sistem MRT yang berkesan.

3. Seramai 169,024 isi rumah mengambil bahagian dalam Program 1AZAM pada akhir 2014. Dalam tempoh 4 tahun yang lalu, sejumlah 275,644 orang telah dinaik taraf ke status “Terkeluar” daripada senarai terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam tahap pendapatan.
4. Terus memastikan akses pendidikan yang berkualiti kepada kanak-kanak yang sebelum ini belajar di sekolah yang terpinggir. Selain itu, pada tahun 2014 sahaja, terdapat peningkatan sejumlah 3,105 sekolah dalam Band 1 dan Band 2 disamping 84.26% enrolmen prasekolah di seluruh Negara berbanding 67% kadar enrolmen pada tahun 2009.
5. Terus memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah bagi tahun kelima berturut-turut, kepada kedudukan ke-50 pada tahun 2014 daripada kedudukan ke-53 pada tahun 2013.
6. Mengurangkan bilangan kes jenayah sebanyak 12.6%, dalam usaha untuk menjadikan negara kita tempat yang selamat untuk rakyat dan pelancong asing.
7. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), mula dipekenalkan pada tahun 2012 telah memberi manfaat kepada 4.2 juta isi rumah telah terus berkembang dari 2013 dan seterusnya kepada individu. Pada tahun 2014, ia membantu 6.8 juta isi rumah dan individu dengan pengagihan tunai.
8. Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT) telah melaksanakan beberapa program perintis pada tahun 2014, mewujudkan strategi yang tertumpu untuk mempercepat penyampaian dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

- Meningkatkan Respon Terhadap Panggilan Praambulans - 90% Panggilan Utama 1, 15 minit masa tindak balas. Telah memberi manfaat kepada 1.02 juta rakyat yang tinggal di kawasan sasaran

### **Program Transformasi Ekonomi**

12 sektor NKEA di bawah ETP melambangkan usaha kita untuk memfokuskan pertumbuhan ekonomi dalam industri yang dapat meningkatkan keupayaan, kepakaran dan pengkhususan sejajar dengan ciri-ciri yang ada dalam ekonomi berpendapatan tinggi. Gabungan NKEA dan SRI ini, disasar untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar Per Kapita atau PNK kepada 15,000 dolar, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah 444 bilion dolar menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2014, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita meningkat kepada RM34,1232 daripada RM30,809 didorong oleh pelaburan sektor swasta sebanyak RM146 bilion. PNK per kapita tumbuh sebanyak 47.7 peratus daripada US\$7,059 pada tahun 2009 kepada US\$10,426 pada tahun 2014. Kita juga dapat mewujudkan 1.8 juta pekerjaan baharu dalam sektor NKEA sepanjang empat tahun lepas. Melalui ETP, antara fokus utama Kerajaan dalam mencapai kemampanan ekonomi adalah untuk mengurangkan pergantungan sejak dahulu terhadap hasil pendapatan yang terjana daripada minyak dan gas, serta menggalakkan pembagaimanaan sektor dalam ekonomi Malaysia. Justeru, inilah tujuan yang mendasari pemilihan 12 sektor teratas NKEA. Fokus yang diberikan pada sektor-sektor ini bukan sahaja membantu meningkatkan sumbangan kepada PNK, malah turut

mempelbagaikan ekonomi untuk membina daya tahan dan keupayaan untuk menghadapi kejutan dari luar.

Sejak ETP diperkenalkan, pelaburan swasta meningkat 2.5 kali ganda antara tahun 2011 dan 2014 berbanding tahun 2006 dan 2010. Pelaburan swasta menangkap sebahagian daripada jumlah pelaburan pada 64% pada akhir 2014 dan 71% bagi separuh pertama tahun ini.

Antara pencapaian ETP yang membanggakan termasuk:

1. Melalui NKEA, Greater Kuala Lumpur / Klang Valley, InvestKL telah menarik 14 MNC untuk melabur di Greater KL pada tahun 2014. Sehingga kini, EPP ini berjaya menarik 46 MNC dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM4 bilion dan komitmen bagi pewujudan 6,000 peluang pekerjaan. Selain itu, 59% Laluan 1 MRT Sungai – Buluh Kajang telah siap dibina dan Laluan 2 rancak dijayakan.
2. NKEA Minyak, Gas dan Tenaga telah menyaksikan pelibatan negara dalam sektor hiliran telah mencatatkan kejayaan besar, Syarikat minyak nasional, PETRONAS telah mengumumkan Keputusan Pelaburan Muktamad (FID) bagi pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) yang merangkumi projek pembangunan bersepadu petrokimia dan loji penapisan (RAPID). Projek RAPID ini disasarkan akan meningkatkan output petrokimia Malaysia dan memenuhi permintaan Asia Pasifik. Selain itu, NKEA ini juga menyaksikan pembinaan hab pusat penyimpanan dan perdagangan minyak serantau di mana Pengerang Independent Terminal telah melancarkan operasinya melancarkan operasinya dengan meraikan ketibaan kapal pertama, MT Vinalines Glory pada 12 April 2014.

3. NKEA Pendidikan mencatat kemajuan yang besar dengan menjadi bukan sahaja penyumbang ekonomi malah juga pemangkin ekonomi. Enrolmen pelajar yang kukuh di Institusi Pengajian Tinggi Swasta dalam program hospitaliti dan pelancongan melebihi sasaran awal 16,000 untuk merekodkan enrolmen berjumlah 18,269. Disamping itu, peluasan pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) swasta telah berjaya menyaksikan enrolmen seramai 41,109 kanak-kanak pra-sekolah swasta dan 1,103 kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak swasta.
4. SRI, Merapatkan Jurang Ketaksamaan menyaksikan Inisiatif *Carve Out and Compete* mencapai titik kemajuan baharu dengan memperuntukkan peluang khas kepada Bumiputera bernilai RM10.2 bilion daripada pelbagai projek, dan berjumlah RM23.5 bilion sejak tahun 2012. Program ini turut menyaksikan kesinambungan program yang meningkatkan akses Bumiputera kepada pembiayaan dan pasaran, seperti RM2.24 bilion Dana TeraS, RM580 juta Dana Halal, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan program eksport selain Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB).

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah inovatif yang telah dilaksanakan melalui GTP untuk menggalakkan keinklusifan dalam ekonomi negara dan membolehkan semua rakyat berkongsi kekayaan yang terhasil melalui ETP.

Kerajaan juga akan terus mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang wajar untuk bertindak balas terhadap perkembangan

luaran dan memastikan transformasi negara terus berada di landasan yang kukuh.

Sekian, terima kasih.